

# **ISLAM DI NUSANTARA<sup>1</sup>**

**Prof. Dr. Abd Jalil bin Borham  
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Pahang**

## **Abstrak**

Kajian mendapati bahawa para sejarawan keseluruhannya berselisih pendapat tentang kedatangan Islam ke Nusantara sama ada dari segi tarikh atau teori kedatangannya. Tidak dinafikan sumbangan dari aspek hubungan perdagangan bangsa Arab dan Nusantara memainkan peranan yang paling besar kerana ia sudahpun berlaku sejak sebelum kelahiran Islam lagi. Oleh kerana keperluan yang tinggi bagi mendapatkan barang-barang dagangan yang hanya terletak di Nusantara dan diperlukan di Asia Barat dan Maditeranean, pedagang-pedagang tersebut telah terdorong ke rantau ini dan berlakulah proses pengembangan Islam ke Nusantara. Kedatangan Islam telah membawa perubahan menyeluruh kepada sistem kehidupan masyarakat di Nusantara meliputi perkara berkaitan dengan akidah, sosial, politik, pemikiran, perundangan, ilmu pengetahuan dan sebagainya.

## **1.0 Pengenalan**

Nusantara ialah kata majmuk yang berasal daripada dua perkataan bahasa Jawa kuno, iaitu *nusa* (pulau) dan *antara* (lain). Dalam penggunaan bahasa moden, istilah "Nusantara" merujuk kepada lingkungan pengaruh kebudayaan dan linguistik orang Melayu yang merangkumi kepulauan Indonesia, Malaysia, Singapura, bahagian paling selatan Thailand, Filipina, Brunei, Timor Timur dan mungkin juga Taiwan. Istilah padanan untuk "Nusantara" dalam bahasa Melayu ialah Alam Melayu dan dalam bahasa Indonesia ialah "Nusantara" (kepulauan di antara), walaupun istilah ini kini juga digunakan secara meluas di Malaysia. Ibn Batutah telah menggunakan nama al-Jawah bagi merujuk kepada Nusantara. Perkataan Jawi adalah nama bagi penduduk-penduduknya. Dengan itu nama Jawah dan Jawi tidak hanya merujuk kepada kepulauan Jawa dan penduduknya sahaja bahkan ianya digunakan untuk seluruh daerah Asia Tenggara dan penduduknya sekali (Ibn Batutah: 1964).

Kedatangan Islam dan perkembangannya di Nusantara atau Alam Melayu serta kesannya kepada rakyat di negara tersebut khususnya adalah satu bidang kajian yang sangat penting untuk melahirkan gambaran yang tepat dalam sejarah Islam di Nusantara setelah ia dikaburi oleh berbagai teori orientalis. Sebelum dikaji lebih lanjut sejarah kedatangan Islam ke Nusantara adalah perlu kita melihat tahap-tahap kedatangan Islam bermula dari asal kedatangannya hingga kepada subjek kajian yang akan dibincangkan.

Proses pengislaman Nusantara adalah berkait rapat dengan pengislaman penduduknya. Kenyataan ini disokong oleh ahli-ahli sejarah tempatan dan Barat termasuk

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Kolokium Islam Pahang ‘Meraikan Ilmu’ anjuran Muzium Negeri Pahang di Panggung Tun Razak, Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 18 Mac 2014.

Prof. Hamka (Hamka, 1965: 417). Beliau menyebut yang dimaksudkan dengan Alam Melayu ialah dari Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dari Pulau-Pulau Nusantara. Kemudian Pulau-Pulau Maluku termasuk Irian, terus ke Pulau Luzon dan Mindanao. C.A.Majul yang mengistilahkannya sebagai Malaysia (C.A.Majul, 1962: 334).

## **2.0 Kedatangan Islam Ke Nusantara**

Adalah diperhatikan bahawa para sejarawan keseluruhannya berselisih pendapat tentang kedatangan Islam ke Nusantara sama ada dari segi tarikh atau teori kedadangannya. Dari segi tarikh sebahagian dari mereka berpendapat bahawa Islam datang ke Nusantara pada abad ke-13 Masihi dan selepasnya. Pendapat inilah yang dipegang oleh kebanyakan sejarawan Barat. Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa Islam datang ke Nusantara pada abad ke-7 Masihi lagi. Pendapat yang kedua ini agak lebih meyakinkan berdasarkan hujah-hujah yang akan dibicarakan.

Setelah Islam dikembangkan oleh Rasulullah s.a.w di Tanah Arab perkembangan Islam seterusnya ke daerah-daerah lain di dunia ini berjalan dengan begitu pantas (Ahmad Amin, 1978: 120). Daerah Nusantara juga tidak terkecuali dalam hal ini. Ini adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah:

- a) Hubungan Perdagangan
- b) Kegiatan Dakwah

### **2.1 Hubungan Perdagangan**

Menurut perspektif sejarah, pada umumnya bangsa Arab Badwi adalah dikatakan sebagai bangsa nomad yang lebih mundur dari bangsa Yahudi (Carl Broklaman, 1981: 14). Tetapi berlainan pula dengan kaum Hadari. Kaum Hadari adalah suku yang dianggap maju dan biasanya tinggal di kota-kota seperti Mekah, Madinah, Yaman dan Syam. Kebanyakan suku tersebut merupakan golongan yang maju terutamanya dalam bidang ekonomi. Mereka bukan sahaja menandingi kaum-kaum Arab lain, tetapi juga bangsa-bangsa lain di dunia ini. Di kalangan golongan Hadari, kaum Quraisy adalah suku yang kebanyakannya memonopoli bidang tersebut. Mereka bukan sahaja dari keturunan bangsawan, bahkan suku pertuanan Mekah ketika itu. Mereka bukan sahaja menjadi agen perdagangan di dalam negeri, bahkan ada yang menjadi agen perdagangan antarabangsa yang melibatkan barat dan timur seperti Habsyah, Mesir, Rom, India, Nusantara dan Cina (Na`eem Siddiqi, 1985: 12).

Ini dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w sendiri yang semenjak berusia 15 tahun lagi telah mengikut bapa saudaranya berniaga ke Syam. Begitu juga sebelum berkahwin dengan Saidatina Khadijah, baginda telah bekerja memperdagangkan barangannya. Hal ini juga telah diterangkan oleh Allah s.w.t di dalam al-Qur'an (Surah al-Quraisy (106): 1-2) yang menyatakan bahawa kebiasaan orang-orang Quraisy pada musim sejuk berniaga ke Yaman dan pada musim panas berniaga ke Syam.

Hubungan perdagangan bangsa Arab dan Parsi dengan daerah Nusantara dikatakan sudahpun berlaku sejak sebelum kelahiran Islam lagi (Khan Bahadur Ahsanullah, 1931: 18, Hamdan Hassan, 1980: 71). Sesungguhnya pusat perniagaan di “Zofar al-Hamud” (Ibn Batutah, 1960: 259) yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab merupakan tempat persinggahan perdagangan sama ada melalui jalan darat mahupun jalan laut. Oleh kerana keperluan yang tinggi bagi mendapatkan barang-barang dagangan yang hanya terletak di Nusantara seperti lada hitam, rempah, bunga cengkik, kemenyan, kapur barus dan buah pala yang diperlukan di Asia Barat dan Maditeranean, pedagang-pedagang tersebut telah terdorong untuk datang ke Nusantara (Dada Meuraxa, 1973: 48).

Kebanyakan barang-barang tersebut terutamanya kapur barus banyak didapati di daerah Sumatera, di mana pelabuhannya yang terpenting ketika itu ialah Barus. Mungkin nama pelabuhan Barus adalah mengambil sempena daerahnya yang banyak mengeluarkan kapur barus. Di dalam al-Qur'an perkataan “*kafur*” (Al-Qur'an, *surah al-Insan* (76): 5) ditafsirkan sebagai kekuatan yang boleh melindungi sesuatu daripada rosak dan mempunyai bau yang harum, iaitu kapur barus ('Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il, 1981: 455).

Dari kenyataan di atas dapatlah ditegaskan bahawa seolah-olah terdapat kesepakatan di kalangan sarjana-sarjana Islam mengenai berlakunya hubungan di antara pedagang-pedagang Asia Barat dengan Nusantara sejak sebelum kemunculan Islam lagi. Motif perhubungan di antara mereka ketika itu adalah semata-mata mengenai perdagangan. Hubungan di antara mereka dikatakan berlaku sejak sebelum abad kelima Masihi lagi dan berkekalan sehingga kelahiran Islam pada kurun ketujuh Masihi (G.R. Tibbets, 1957: 7).

Selain hubungan perdagangan dengan pedagang-pedagang Nusantara, mereka juga telah menjalankan perniagaan dengan Cina (Victor Purcell, 1947: 115). Walaupun pada ketika itu terdapat jalan perdagangan darat di antara Asia Barat dan Cina tetapi ia dikatakan kurang selamat dan begitu sukar (J.V.Mills, 1974: 7, Rudolf Leowenthal, 1960: 13). Sebagai alternatifnya mereka menggunakan jalan laut ke Cina dengan melintas pantai India dan Asia Tenggara mengikut angin monsun (J.A.E. Morley, 1949: 148). Ada di kalangan pedagang-pedagang ini menetap sementara di sepanjang jalan perdagangan Asia Barat-Cina bagi menunggu perubahan angin monsun.

Tidak dinafikan ada yang terus tinggal menetap berkahwin dengan penduduk tempatan dan meninggal dunia serta dikebumikan di kawasan tersebut. Menurut catatan Cina, hubungan Asia Barat-Cina telah berlaku pada abad keempat Masihi lagi kerana pada ketika itu sudahpun terdapat penempatan kedua bangsa Arab di Cina (Brian E. Colle, 1969: 12).

Menurut Tibbets, Dinasti Sasanid di Parsi yang diasaskan pada abad ketiga Masihi merupakan sebuah kerajaan yang mengadakan hubungan perdagangan dengan Cina (Yang I-Fan, 1969: 2). Keperluan ekonomi di Cina Selatan menguatkan lagi hubungan perdagangan kedua negara tersebut (Wang Gungwu, 1958: 71). Pedagang-pedagang Asia Barat dalam kegiatan perdagangan dengan Cina dikatakan telah singgah di beberapa pelabuhan India di Nusantara. Di India pelabuhan yang menjadi tumpuan termasuklah Daybul, Cambay, Sindabul dan Samundar. Manakala di Nusantara ialah Lambri, Barus, Andaman, Kalah (Kedah), Panghang (Pahang), Tiyuman (Tioman) dan Melaka (Dr. Omar Amin Hussin, 1962:

69 dan Nagendra Singh, 1970: 18). Pelabuhan Melaka dikatakan telah muncul sejak abad kelapan Masihi lagi, iaitu enam abad sebelum kedatangan Parameswara (Wan Hussein Azmi, 1980: 137).

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa hubungan perdagangan antara Asia Barat, Arab, Parsi juga India dengan Nusantara dan Cina telah berlaku sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Dengan itu tidaklah dapat dinafikan pendapat sejarawan yang mengatakan bahawa sejak permulaan Islam lagi terdapat hubungan antara pedagang-pedagang Arab dan Parsi dengan Asia Tenggara.

## 2.2 Kegiatan Dakwah

Dakwah Islamiah adalah menjadi kewajipan Rasulullah s.a.w dan setiap individu Islam sepanjang zaman. Kewajipan tersebut tidak terhad kepada golongan Arab sahaja bahkan kepada seluruh bangsa yang mengaku dirinya Islam. Seruan ini tidak ditentukan dari segi daerah atau wilayah bahkan ke seluruh dunia hingga pelusuknya (Abd. Karim Zaidan, 1980: 6).

Pedagang-pedagang Arab yang sering ke Asia Tenggara sebelum itu ada yang menerima Islam dan mengetahui tanggungjawab mereka untuk menyebarkannya. Di samping mereka giat menjalankan perniagaan, mereka juga giat berdakwah bagi menyebarkan Islam. Berpandukan kepada keadaan ini dapatlah dikatakan bahawa kedatangan Islam ke Asia Tenggara bermula dari sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi.

Berikut dengan penyerahan kuasa kota Mekah kepada orang-orang Islam pada tahun 630 Masihi, maka kedudukan Islam semakin kukuh. Akibatnya wujudlah dalam sejarah dakwah Islamiyah apa yang dikenal dengan “Am al-Wufud” atau “Tahun Perutusan” (Ahmad Shalaby, 1983: 248). Sehubungan dengan itu Rasulullah s.a.w telah merancang perutusannya ke luar wilayah Arab bagi menarik penduduknya memeluk Islam. Antara mereka yang diarahkan demikian ialah Saidina Ali bin Abu Talib yang dihantar ke Yaman sebagai utusan. Dengan tersebarnya Islam ke Yaman, baginda telah mengutuskan Mu`adh bin Jabal (Wahbah al-Zuhaily, 1969: 247) dan lain-lain pendakwah bagi mengajak penduduk-penduduknya mendalami syariat Islam.

Menurut sejarawan, pengislaman Yaman ada kaitan yang positif dalam konteks perkembangan Islam ke Nusantara. Negara Yaman sebelum kelahiran Islam lagi dikatakan sebagai sebuah negara yang bertamadun. Ia bukan sahaja didatangi oleh peniaga-peniaga Arab, bahkan peniaga-peniaga dari berbagai bangsa termasuk pedagang Nusantara (Ahmad Shalaby, 1983: 55). Dilihat dari segi hubungan perdagangan, apabila orang-orang Yaman memeluk Islam, kesedaran dakwah juga wujud di kalangan mereka. Dalam situasi tersebut mereka juga telah mengambil kesempatan untuk menyebarkan Islam kepada pedagang-pedagang Nusantara yang datang ke negara mereka, begitu juga sebaliknya ketika mereka berdagang ke Nusantara.

Kedatangan Islam ke Nusantara selain dari yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, ia juga dikatakan berlaku pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, khususnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab (634-644M). Pada zaman pemerintahan beliau, kekuasaan Islam telahpun sampai ke Rom dan Parsi. Menurut sejarah, terdapat ramai di kalangan orang-orang Parsi memeluk Islam. Begitu juga dengan keturunan Parsi yang berada di Perlak dan Pasai.

Keadaan yang sama juga berlaku di Cina (Tibbetts, 1957: 2). Menurut catatan Cina, penerimaan Islam oleh pedagang-pedagang Arab yang bermustautin di Cina telah berlaku apabila diketahui bahawa seluruh Semenanjung Tanah Arab telah memeluk Islam. Tindakan ini berlaku menjelang kewafatan Rasulullah s.a.w dan pada zaman awal pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq (632-634M). Penerimaan Islam oleh orang-orang Arab tersebut kemungkinan besar telah mempengaruhi orang-orang Cina untuk memeluk Islam.

Berdasarkan kepada beberapa fakta di atas, tidak dinafikan bahawa Islam telah diterima di Nusantara sejak zaman Rasulullah s.a.w dan zaman Khulafa' al-Rasyidin lagi. Manakala pada zaman Kerajaan Bani Umaiyyah (661-750M) dan Bani `Abbasiyah (750-1258M), bukti-bukti yang lebih jelas tentang kedatangan Islam ke Nusantara telahpun menjadi kenyataan. Pada tahun 674 Masihi telah wujud penempatan orang-orang Arab Islam di pantai barat Sumatera (T.W.Arnold, 1975: 367). Hall berpendapat kedatangan Islam ke daerah tersebut lebih awal daripada yang dicadangkan oleh Arnold (D.G.E. Hall, 1964: 190). Begitu juga terdapat penempatan orang-orang Arab Islam yang digelar "Ta-Shih" di Jawa sekitar tahun tersebut (Tibbetts, 1957: 8).

Tarikh tersebut adalah berlaku pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah yang pada ketika itu diperintah oleh pengasasnya Mu`awiyah bin Abu Sufian (661-680M). Pada tahun 674 Masihi, beliau dikatakan bercita-cita menghantar armada Islam untuk menyerang Jawa tetapi terpaksa dibatalkan kerana wujud persefahaman dan pemulihan keamanan di antara kerajaannya dengan pemerintah Jawa yang biasa menemui Ratu Sima dari Kerajaan Kalinga (Ho-Ling) (S.Q.Fatimi, 1963: 69, Roland Braddell, 1951: 3). Selain itu terdapat catatan yang melaporkan bahawa Mu`awiyah pernah berusaha memonopoli perdagangan rempah supaya bekalannya tidak bergantung semata-mata kepada Dinasti Tang (Abdullah Ishak, 1990: 30). Mu`awiyah juga dilaporkan pernah menghantar utusan kepada Raja Sriwijaya, Lokitararman supaya memeluk Islam di samping membuat hubungan dagangan dengan Damsyik.

Usaha dakwah Islamiyah di Nusantara dikatakan lebih berjaya pada zaman Khalifah `Umar bin `Abdul Aziz (717-720M) (Ahmad Shalaby, 1966: 170). Di zamannya Islam telah tersebar dengan meluasnya ke Mesir, Syam, Parsi dan Sind. Di Nusantara pula Raja Sriwijaya di Jambi, iaitu Sindravarman telah memeluk Islam pada tahun 718 Masihi (Abdullah Ishak, 1990: 31). Kemudian pada tahun 726 Masihi, Raja Jay Sima, iaitu Putera Ratu Sima di Kerajaan Kalinga, Jawa Timur turut memeluk Islam. Kegiatan dakwah bukan sahaja dilakukan oleh pihak kerajaan Bani Umaiyyah, bahkan usaha ini telah dijalankan oleh pihak persendirian.

Golongan Syi`ah yang menjadi musuh politik kerajaan tersebut mempelopori pihak persendirian bagi mengembangkan Islam di rantau ini. Sejak zaman Khalifah `Abdul Malik

bin Marwan (689-705M), sudah terdapat golongan Syi`ah di Kepulauan Sulu, Sulewasi dan Kalimantan (Hamka, 1977: 426). Mereka dikatakan datang ke Kepulauan tersebut melalui Champa, melarikan diri dari kekejaman Bani Umaiyyah yang dipimpin oleh Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi.

Pada zaman kerajaan Bani `Abbasiyah, iaitu pada masa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) tercetus satu lagi pemberontakan Syi`ah `Alawiyah yang dipimpin oleh Muhammad Ibn Jaafar al-Sadiq (^Allamah Sayyid Muhammad Husayn Tabataba'i, 1975: 206). Pemberontakan tersebut dapat dipatahkan. Al-Ma'mun menghukum mereka supaya meninggalkan Tanah Arab dan berdakwah ke negeri-negeri lain. Dari kesempatan itu mereka menyediakan angkatan dakwah seramai 100 orang yang dipimpin oleh Nakhoda Khalifah. Rombongan tersebut telah sampai di Perlak pada tahun 800 Masihi. Ketika itu negeri tersebut diperintah oleh Meurah Syah Nuwi yang berasal dari Parsi. Seorang dari anggota rombongan itu yang bernama Ali ibn Muhammad ibn Jaafar al-Sadiq telah dikahwin dengan puteri Makhdum Tanshuri, adik kandung Meurah Perlak. Hasil dari perkahwinan itu mereka dikurniakan seorang putera bernama Sayyid `Abdul `Aziz yang kemudian dilantik menjadi Raja Perlak dengan gelaran Sultan Sayyid Maulana `Abdul `Aziz Syah pada tahun 840 Masihi (Abdullah Ishak, 1990: 32).

Sekitar tahun ke-9 Masihi terdapat catatan yang menunjukkan bahawa telah sampai di Aceh seorang ulama Syi`ah Zaidiyyah dari Yaman (Abdullah Ishak, 1990: 32). Ulama tersebut dikenali sebagai Sulaiman bin `Abdullah yang datang ke negeri itu pada tahun 850 Masihi. Kerajaan Fatimiyah di Mesir (909-1171M) merupakan sebuah kerajaan Islam bermazhab Syi`ah Isma`iliyah (S.M. Stern, 1983: 177). Ia merupakan sebuah kerajaan yang progresif dan dinamis, terutamanya dalam bidang dakwah. Aktiviti dakwah yang dilakukan bukan sahaja terhad di Asia Tenggara, bahkan di negara-negara lain termasuk Nusantara, terutamanya di Sumatera. Pernah dikatakan bahawa agama Islam di Pasai pada peringkat permulaan dari tahun 1042-1444M adalah berfahaman Syi`ah (Abdullah Ishak, 1990: 32). Aliran fahaman ini akhirnya berjaya dihapuskan pada abad ke-13 Masihi oleh Malik al-Salih.

Selain daripada pendakwah yang datang dari golongan Syi`ah, terdapat juga orang-orang Sufi yang datang ke rantau ini terutamanya di kawasan Samudera bagi menyebarkan Islam. Contohnya Syeikh `Abdullah `Arif datang dari Tanah Arab ke Samudera ketika negeri itu diperintah oleh Maharaja Nur al-Din (1155-1210M) (Syed Naquib al-Attas, 1969: 11). Beliau menggelarkan raja tersebut dengan panggilan Sultan al-Kamil (S.Q.Fatimi, 1963: 11), mengambil sempena nama seorang pahlawan Islam yang menentang tentera Salib di Mesir. Bagi menyebarkan dakwah Islamiyah beliau telah dibantu oleh muridnya yang setia bernama Syeikh Burhanuddin (Syed Naquib al-Attas, 1969: 32). Berkat dari usahanya Islam telah tersebar hingga ke Minangkabau.

Begitu juga telah datang ke Nusantara beberapa orang pendakwah lain dari Tanah Arab seperti Syeikh Ism`ail al-Sadiq yang diutus khas oleh Syarif Mekah (G.E.Marrison, 1951: 29). Kedatangan beliau diikuti oleh Fakir Muhammad dari Malabar, iaitu bekas seorang sultan yang berasal dari keturunan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Negeri ulung di Nusantara yang diislamkannya ialah Barus atau Fansur. Ia diikuti oleh Lambri, Aru, Perlak

dan akhirnya Samudera. Raja Samudera atau Pasai ketika itu ialah Merah Silu (1261-1289M) (R.O.Winstedt, 1938: 27). Hikayat Raja Pasai menyatakan setelah baginda memeluk Islam namanya telah ditukar kepada Sultan Malik al-Salih. Syeikh Ismail telah memperkenalkan Pasai dengan aliran mazhab Syafi'i kerana pemerintah Mekah pada ketika itu berpegang kepada mazhab tersebut (G.E.Marrison, 1951: 30).

Berpandukan kepada beberapa fakta, kebanyakan sejarawan terutamanya dari barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Nusantara berlaku pada abad ke-13 Masihi. Islam telah dibawa oleh saudagar-saudagar Islam dari bangsa Arab, Parsi dan India. Menurut catatan Cina, pada zaman Dinasti Yuan telah datang satu rombongan diplomatik Melayu ke istana kerajaan tersebut pada tahun 1281-1282M (S.Q.Fatimi, 1963: 10). Rombongan tersebut diketuai oleh dua orang Islam. S.Q.Fatimi melaporkan bahawa dua orang utusan tersebut adalah dari Samudera atau Sa-Mu-Ta yang bernama Hassan dan Sulaiman. Dalam catatan lain kedua-duanya disebut sebagai Sulaiman dan Shamsuddin (R.O.Winstedt, 1917). Manakala A.H. Hill pula menyebut Husain dan Sulaiman (Dr. A.H.Hill, 1960: 8).

Seorang pengembara Venice yang bernama Marco Polo telah singgah di Perlak (Ferlec) dalam perjalanan pulang dari istana Kublai Khan pada tahun 1292 Masihi (Marco Polo, t.t: 282). Beliau menyatakan bahawa terdapat banyak pedagang-pedagang Islam di daerah tersebut. Di samping menjalankan perniagaan, mereka giat berdakwah bagi mengislamkan penduduk tempatan. Ibn Batutah, seorang pengembara Arab dari Moroko telah singgah sebanyak dua kali di Samudera dalam pelayarannya pergi dan balik dari Cina pada tahun 1345 Masihi (Ibn Batutah, 1960: 618,H.A.R. Gibb, 1929: 274). Beliau menyatakan bahawa raja Samudera pada ketika itu beragama Islam dan bermazhab Syafi'i. Raja tersebut adalah Malik al-Zahir, anak kepada Malik al-Salih yang menjadi raja Islam pertama di Samudera. De Jong (P.E.Josselin de Jong, 1965: 84 dan Fatimi, 1963: 10), seorang sejarawan Belanda berpendapat bahawa Pasai adalah sebuah negeri Islam sejak sebelum kedatangan Marco Polo ke negeri tersebut pada tahun 1292 Masihi lagi.

Catatan sejarah mengenai kedatangan Islam khususnya di Sumatera sama ada di Barus, Lambri, Aru dan Perlak berdasarkan hubungan dagangan Asia Barat dengan Nusantara tidak dapat disangkal lagi. Peringkat kedatangan Islam sejak awal hingga abad ke-13 Masihi khususnya di daerah Sumatera Utara sebagaimana yang dilaporkan oleh I-Tsing, seorang sarjana Cina yang berkunjung ke Sriwijaya pada tahun 672 Masihi menguatkan lagi kenyataan ini (Tibbetts, 1951: 3). Dalam pelayarannya ke negeri tersebut, beliau telah menumpang kapal orang-orang "Posse" iaitu panggilan orang-orang Cina kepada orang-orang Arab Islam. Wolters (Dr. O.W.Wolters, 1967: 56) berpendapat "Posse" sebagai panggilan orang-orang Cina kepada orang-orang Melayu. Justeru itu orang-orang Melayu pada abad tersebut dikatakan telah memeluk Islam.

Menurut catatan Dinasti T'ang, terdapat orang-orang "Ta-Shih" yang berkerajaan di kawasan pantai barat Sumatera Utara (Dr. Omar Amin Husin, 1962: 73), iaitu gelaran kepada orang-orang Islam pada tahun 674 Masihi. Inskripsi batu nisan yang terdapat di Nusantara juga dapat dijadikan bukti yang kuat tentang kedatangan Islam di rantau ini sejak kurun ke-7 hingga ke-13 Masihi. Antaranya ialah batu nisan di Leren bertarikh 1082 Masihi dan batu nisan Sultan Malik al-Salih di Pasai bertarikh 1297 Masihi (S.Q.Fatimi, 1963: 38).

Batu nisan di Leren dikatakan kepunyaan seorang perempuan yang bernama Fatimah binti Maimun bin Hibatullah terletak di Leren, Gerisik Jawa Timur. Batu tersebut bertulisan Arab bertarikh tahun 1082 Masihi atau 1102 Masihi. Ia menjadi bukti yang tertua sekali tentang kewujudan orang-orang Islam di Jawa. Menurut Hall, batu nisan itu besar kemungkinan dibawa ke tempat tersebut pada masa-masa kebelakangan. Tarikh yang tercatat padanya hanya menunjukkan tentang adanya seorang Arab atau Parsi di sana pada tahun tersebut tetapi tidak ada bukti mengenai penyebaran Islam di sana (D.G.E.Hall, 1964). Begitu juga dengan batu nisan Sultan Malik al-Salih, Raja Pasai yang bertarikh 1297 Masihi. Dengan hanya berpegang kepada catatan Dinasti Yuan, laporan Marco Polo serta dua buah batu nisan tersebut, sejarawan Barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Nusantara berlaku di sekitar abad ke-13 Masihi. Pendapat inilah juga yang telah dipegang oleh ahli sejarah Belanda, Snouch Hurgronje yang menyatakan teorinya pada tahun 1883 Masihi dengan disokong oleh Russell Jones (G.W.J. Drewers, 1985: 8).

Sikap serta tindak tanduk mereka bagi mengenepikan sumber-sumber sejarah yang terdapat di rantau ini sejak dari abad ke-7 hingga ke-12 Masihi seolah-olah merupakan suatu misteri yang mempunyai motif yang tersembunyi. Mereka perlu melihat dan mengkaji secara ikhlas sekurang-kurangnya tentang hubungan perdagangan Asia Barat dengan Nusantara sejak sebelum kedatangan Islam, sebelum membuat sesuatu keputusan. Ketetapan yang diambil oleh sejarawan Barat tanpa melihat kepada semua fakta sejarah yang berkaitan merupakan suatu ketetapan yang tidak kukuh dan tergesa-gesa.

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan bahawa kedatangan Islam di rantau ini berlaku sejak abad ke-7 Masihi atau ke-8 Masihi lagi. Oleh yang demikian, catatan di batu nisan bahawa Islam datang di rantau ini pada abad ke-13 Masihi bukanlah menandakan mula bertapaknya Islam tetapi menggambarkan tentang pengaruh Islam serta perkembangannya yang semakin pesat.

### **3.0 Teori-Teori Kedatangan Islam ke Nusantara**

Selain daripada masalah tarikh dan daerah yang pertama menerima Islam di Nusantara, sejarawan-sejarawan juga berselisih pendapat tentang teori kedatangannya. Teori tarikh kedatangan Islam ke Nusantara adalah berkait rapat dengan teori kedatangan Islam di Nusantara. Perselisihan pendapat mengenai teori kedatangan Islam di kalangan sejarawan boleh dibahagikan kepada tiga pendapat.

#### **3.1 Islam dibawa dari Tanah Arab**

Sebagaimana yang diketahui bahawa hubungan perdagangan Asia Barat dengan Nusantara telahpun wujud sejak sebelum kelahiran Islam lagi. Aktiviti perdagangan tersebut berkekalan hingga ke zaman lahirnya Islam di Semenanjung Tanah Arab pada abad ke-7 Masihi. Islam yang bersifat dakwah bukan sahaja terhad seruannya kepada bangsa Arab, bahkan kepada seluruh umat manusia. Pedagang-pedagang Arab menjalankan perdagangan di rantau ini sekitar kurun tersebut. Adalah dipercayai ada di antara mereka yang memeluk Islam, lebih-lebih lagi selepas pembukaan Kota Mekah pada tahun 630 Masihi dan peristiwa

“Tahun Perutusan” (Ahmad Shalaby, 1983: 248). Peristiwa tersebut telah membawa pengislaman seluruh Semenanjung Tanah Arab dan ia tersebar luas ke luar daerah Arab hingga ke Nusantara.

Peristiwa kejayaan Khalifah `Umar bin al-Khattab (634-644M) menundukkan kekuasaan Rom dan Parsi menyebabkan ramai orang-orang Parsi yang memeluk Islam (Syed Naquib al-Attas, 1965: 3). Situasi ini dikatakan telah mempengaruhi bangsa Parsi menerima Islam sehingga mereka yang bermustautin di Perlak dan Pasai pun berbuat demikian. Dakwah Islam yang berpunca dari bangsa Arab dan dibantu oleh bangsa Parsi tidak dapat disangkal lagi sekiranya dilihat kepada kedua-dua pengaruh bangsa tersebut di rantau ini.

Kemungkinan setengah pendapat menyatakan bahawa penerimaan Islam di Nusantara pada zaman Rasulullah s.a.w dan Khulafa’ al-Rasyidin hanyalah suatu hipotesis, tetapi kelahiran Kerajaan Bani Umayyah dan Bani `Abbasiyah telah menguatkan lagi bukti bahawa orang-orang Arab Islam sebenarnya telahpun bertapak di rantau ini ketika itu. Pendapat ini telah disokong oleh John Crawford (John Crawford, 1967: 104, H.E.Wilson, 1972: 4, Horace St. John, 1853) yang menyatakan tarikh kedatangan Islam ke Nusantara sejak abad ke-7 Masihi dibawa oleh pedagang-pedagang Arab. Teori ini disokong dengan hujah-hujah berikut.

Telah wujud penempatan orang-orang Islam Arab di Sumatera Timur (San-Fu-Chi) = Sriwijaya = Palembang dalam tahun 674 Masihi (T.W. Arnold, 1968: 368). Al-Masudi dalam bukunya “Muruj al-Zahab” yang ditulis dalam tahun 943 Masihi menyatakan, dalam tahun 877 Masihi seramai 120,000 hingga 200,000 pedagang Arab dan Parsi tinggal di Khanfu (Canton) dan berlaku pemberontakan di Selatan Cina dalam zaman Hi-Tsung (878-889M) dan akhirnya mereka berpindah ke Kalah (Kedah) dan Palembang (Syed Naquib Al-Attas, 1969: 11 dan C.E.Bosworth, 1980: 465). Prof. Wang Gung Wu menyatakan sejak abad ke-9 Masihi pedagang-pedagang Arab telah menguasai perdagangan Nanhai (Asia Tenggara) dari Oman ke Kedah, negeri naungan Sriwijaya berdasarkan penemuan dua keping dirham Baghdad bertarikh 848 Masihi (T.W.Arnold, 1968: 387, Prof. Wang Gungwu, 1958: 97). J.C.Van Leur menyatakan bahawa rombongan sahabat Nabi yang diketuai oleh Wahab bin Abi Qabahah telah mengunjungi Riau pada tahun 627 Masihi selama 5 tahun dan wujud perkampungan Arab di Sumatera Timur pada tahun 674 Masihi (J.C.Van Leur, 1955: 18).

Penegasan yang kuat dibuat oleh T.W. Arnold yang menyatakan bahawa orang-orang Arab Islam menjadi pedagang-pedagang yang paling berkuasa pada abad ke-9 Masihi. Ia menjadi perdagangan yang dimonopoli dan tidak pernah ditandingi oleh bangsa-bangsa lain sehingga kedatangan Portugis pada abad ke-15 Masihi. Lebih-lebih lagi dengan melihat catatan Cina mengenai cita-cita Khalifah Mu`awiyah bin Abi Suffian (661-680M) yang telah diteruskan oleh Khalifah Sulaiman bin `Abdul Malik (715-717M) untuk menyerang Jambi (S.Q.Fatimi, 1963: 69), kegemilangan dakwah Islamiyah pada zaman Khalifah `Umar bin `Abdul `Aziz (717-720M), usaha-usaha dakwah oleh pihak persendirian seperti golongan Syi`ah dan Sufi iaitu Syeikh Ism`ail al-Sadiq, Syeikh `Abdullah bin Syeikh Ahmad al-Qumairi al-Yamani, Syeikh `Abdul `Aziz, Syeikh Sulaiman ibn `Abdullah dan lain-lain lagi.

Justeru itu dengan berpandukan kepada beberapa sumber sejarah yang wujud di sekitar Nusantara sama ada berbentuk catatan, laporan dan batu nisan, jelas membuktikan bahawa Islam dibawa terus dari Tanah Arab walaupun terdapat sedikit pengaruh Parsi. Hubungan di antara keduanya memanglah tidak dapat dinafikan, kerana Parsi adalah di antara negara yang paling ulung menerima Islam selain dari kerajaan Rom. Namun teori ini rata-rata mendapat sokongan ahli-ahli sejarah sebelum tahun 1883 Masihi.

### **3.2 Islam datang dari India**

Selepas tahun 1883 Masihi, seorang ahli sejarah Belanda yang bernama Snouch Hurgronje telah mengemukakan satu teori yang mengatakan bahawa Islam di Nusantara datang dari India (S.Q.Fatimi, 1963: 4). Sungguhpun teori ini tidak banyak sandarannya tetapi ia telah diterima oleh ramai golongan terpelajar.

Teori Snouch Hurgronje itu telah diringkaskan oleh Brian Harrison (Brian Harrison, 1968: 43) dengan katanya Asia Tenggara sentiasa memandang kepada India untuk mendapatkan ilmu pengetahuan di samping perniagaan. Oleh yang demikian penerimaan Nusantara kepada Islam bergantung kepada penerimaan India kepadanya terlebih dahulu disebabkan wujud hubungan India dengan Asia Tenggara. Suasana sedemikian telah lahir pada abad ke-13 Masihi semasa Islam bertapak di barat daya dan timur laut India di bawah kekuasaan sultan-sultan Turki di India. Pada masa itulah dengan perantaraan saudagar-saudagar Islam Gujerat, di Pelabuhan Cambay, Islam telah merebak keluar pengaruhnya hingga ke Nusantara (Joginder Singh Jessy, 1961: 18).

Ramai orientalis Barat yang telah menyokong teori ini, antaranya ialah Morrison (G.E.Morrison, 1951: 28), R.A. Kern, C.A.O Van Nieuwenhuize (C.E.Bosworth, 1980: 576, Van Ronkel (C.E.Bosworth, 1980: 551). Menurut Van Ronkel, terdapat banyak bukti dari segi iktikad dan bahasa yang menunjukkan pengaruh India di Nusantara. Antaranya ialah perkataan “Lebai” (istilah dari Selatan India) yang diambil dari perkataan “Labaigam” atau “saudagar”. Pembuktian kesan sejarah yang dijumpai oleh J.E.Mouquette pada tahun 1912 Masihi iaitu batu-batu makam Maulana Malik Ibrahim di Gerisik dengan tarikh waktu pembinaannya tahun 1419 Masihi. Dari batu tersebut mereka membuat kesimpulan bahawa batu-batu makam yang pertama dibawa masuk adalah dari Pelabuhan Cambay di Gujerat, India. Begitu juga pengaruh Gujerat di dalam kesusasteraan Melayu iaitu dengan kewujudan penulis sastera Melayu berbangsa Gujerat pada abad ke-17 Masihi, iaitu Syeikh Nuruddin al-Raniri yang menulis “Sirat al-Mustaqim” (1628M) dan “Bustan al-Salatin” (1638M).

Di samping itu satu kesan sejarah telah dijumpai di Tanjung Inggeris, Sungai Kedah, iaitu batu nisan yang diukir mengikut cara Cambay, India bertulis Syeikh `Abdul Qadir bin Hussin Syah `Alam bertarikh 290 Hijrah (*Mastika* (Jawi), 1965: 35). Dari beberapa pendapat tersebut nampaknya para sarjana tidak bersepakat mengatakan dari daerah manakah Islam datang dari India ke Nusantara. Ada yang mengatakan dari Pelabuhan Cambay di Gujerat, dari Bengal di Coromandel dan dari Malabar di Selatan India.

Teori kedatangan Islam dari Gujerat telah dikemukakan oleh G.P.Mouquette berdasarkan kajiannya terhadap batu nisan di Pasai bertarikh 1428 Masihi dan batu nisan

Maulana Malik Ibrahim di Gerisik bertarikh 1419 Masihi. Kedua-duanya adalah mirip batu nisan `Umar ibn Ahmad Kazaruni di Gujerat (G.E.Marrison, 1951: 31). Manakala Thomas Arnold pula berpendapat Gujerat bukanlah tempat yang membawa Islam ke Nusantara, tetapi sebaliknya Benggala di Coromandel atau Malabar di Selatan India. Ini adalah disebabkan kedua-dua daerah ini terlebih dahulu menerima Islam dari Gujerat. Lebih-lebih lagi mazhab bagi kedua-dua daerah ini sama dengan mazhab penduduk di Nusantara, iaitu mazhab Syafi`i manakala mazhab penduduk Gujerat adalah mazhab Hanafi.

Pendapat ini telah dikemukakan dalam bentuk yang lain oleh S.Q.Fatimi berdasarkan huraian Tomes Pires yang menyatakan Sultan Malik al-Salih di Pasai adalah keturunan India dari Benggala (S.Q.Fatimi, 1963: 4). Disebabkan Pasai adalah daerah pertama di Nusantara yang memeluk Islam, Fatimi mengandaikan bahawa Islam telah dibawa dari Benggala. Teori ini tidak dapat diterima disebabkan tiada bukti kukuh yang meyakinkan hujah tersebut sama ada dari segi istilah keturunan maupun persamaan mazhab. Dalam Islam perbezaan mazhab bukanlah suatu persoalan yang besar, disebabkan seseorang itu boleh bertukar-tukar mazhab sekiranya timbul sesuatu masalah yang tidak dapat dielakkan (Dr. Wahbah al-Zuhaily, 1985: 10).

Kesimpulannya pendapat yang mengatakan Islam datang ke Nusantara dengan dibawa dari India merupakan pendapat yang boleh ditolak berdasarkan sejarah kedatangan Islam ke Nusantara telah berlaku sejak abad ke-7 Masihi lagi. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa pendakwah India juga telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan Islam ke Nusantara di sekitar abad ke-13 Masihi dan abad-abad selepasnya.

### **3.3 Islam datang dari Cina dan Champa**

Suatu pendapat lagi lahir pada tahun 1613 Masihi yang dinyatakan oleh seorang saintis Sepanyol, Emanuel Godinho Eradia (S.Q.Fatimi, 1963: 67). Beliau menyatakan bahawa, “*Aqidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Patani dan Pan di Persisiran Pantai Timur dan selepas itu barulah ia diterima dan disebarluaskan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka pada tahun 1411 Masihi.*”

Di samping itu tersebut di dalam sejarah Dinasti Sung (960-1279M) bahawa Islam telah berkembang di sepanjang pantai laut Cina pada tahun 977 Masihi. Bukti penemuan sekeping dinar emas bertarikh 577 Hijrah dengan catatan “al-Julus Kelantan” menunjukkan sebuah kerajaan Islam Kelantan telah wujud di sana (Sa`ad Shukri Hj. Muda, 1971: 28). Semuanya ini boleh menguatkan hujah Godinho Eradia.

Pertambahan pesat penduduk Cina yang beragama Islam adalah dengan sebab perhubungan yang baik di antara pedagang-pedagang Arab dan Cina. Mereka menjadikan Canton sebagai pusat perniagaan yang berkembang dengan begitu maju sebagaimana dicatatkan oleh al-Mas`udi dalam bukunya “Muruj al-Zahab”, “*Khan Fu (Canton) adalah sebuah pelabuhan yang besar dengan kapal-kapal yang datang dari Basrah, Oman, Syria dan bandar-bandar India, Pulau-Pulau Zabij (Indonesia) dan Champa di Selatan Indo Cina*” (C.E.Bosworth, 1980: 465).

Pada tahun 878 Masihi, pada zaman pemerintahan Hsi Tsung dikatakan tercetus satu pemberontakan di Canton yang menyebabkan seramai 120,000 hingga 200,000 orang Arab terbunuh. Akibatnya ramai dari mereka melarikan diri ke Kalah (Kedah) dan Palembang (Syed Naquib al-Attas, 1969: 11). Begitu juga pada akhir pemerintahan Dinasti Tang (618-905M) berlaku satu pemberontakan lain di wilayah Yang Chow yang mengakibatkan seramai 5,000 orang rakyat asing terbunuh dan kebanyakannya orang-orang Arab. Akibatnya mereka melarikan diri ke Kepulauan Melayu. Kemungkinan inilah yang menjadi asas kepada dakwaan para sejarawan yang mengatakan Islam datang ke Nusantara dari Cina. Dakwaan ini dikuatkan lagi dengan bukti beberapa batu nisan yang terdapat di Nusantara. Antaranya batu nisan di Pekan, Pahang bertarikh 1082 Masihi, batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 Masihi. Ia berdasarkan pertarikh yang dibuat oleh Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas (Syed Naquib al-Attas, 1970: 24, Omar bin Awang, 1985: 189), duit syiling emas di Kubang Labu, Kelantan bertarikh 1181 Masihi dan batu bersurat di Telok Cik Munah, Pahang bertarikh 419 Hijrah. Pendapat inilah juga yang dipegang kuat oleh S.Q.Fatimi bagi membuktikan teori Islam datang dari Cina. Dr.O.W.Wolter pula menyatakan telah wujud hubungan Parsi-Cina sejak abad ke-3 Masihi lagi berdasarkan Cina pada ketika itu memerlukan barang “Po-ssu” (Parsi) (Dr. O.W.Wolters, 1967: 56, Tom Harrison, 1972: 20).

Selain dari Cina, ada pula teori yang mengatakan bahawa Islam telah dibawa dari Champa atau Kemboja. Menurut R.A.Kern, orang-orang Islam di Nusantara berasal dari Indo-Cina (S.Q.Fatimi, 1963: 42). Dalam kurun ke-7 Masihi dikatakan orang-orang Melayu telahpun mengadakan hubungan dengan penduduk-penduduk Champa dan Kemboja. Islam dikatakan telah berkembang di Champa iaitu di daerah Phanrang sejak abad ke-8 Masihi lagi. Pendapat ini telah disokong oleh S.Q.Fatimi yang menyebut bahawa wujud hubungan “Melayu-Polynesian” dari Kerajaan Champa dengan penemuan batu nisan di Leren, Jawa Timur bertarikh 1082 Masihi (S.Q.Fatimi, 1963:38).

Rasional ketetapan teori-teori di atas berada di dalam hakikat sejarah kedatangan saudagar-saudagar Arab ke Asia Tenggara. Mereka adalah golongan yang awal memeluk Islam dan menyebarkannya ke seluruh dunia termasuk Gugusan Pulau-Pulau Melayu di atas prinsip “al-Risalah” (Al-Qur'an, *surah al-Ma'idah* (5): 67). Sejarah menunjukkan saudagar-saudagar Arab yang menuju ke Asia Tenggara telah melalui berbagai-bagai cara ada yang melalui jalan darat masuk ke bumi Afghanistan kemudian menyeberang masuk ke Cina menuju ke Canton terus ke Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Ada yang melalui jalan laut sama ada terus dari Arab atau singgah di India kemudian ke Sri Lanka dan terus ke Kepulauan Melayu. Oleh yang demikian, boleh dikatakan ketiga-tiga teori kedatangan Islam ke Nusantara iaitu dari Arab, India dan Cina telah berlaku dalam abad yang sama dan kesemuanya bertemu di Gugusan Kepulauan Melayu. Masing-masing telah memainkan peranan yang penting dalam kelahiran Islam di tempat-tempat yang mereka singgahi. Walau bagaimanapun pada hakikatnya penulis-penulis sejarah Barat meragui abad ke-7 Masihi sebagai tarikh kemasukan Islam ke Nusantara. Keraguan ini kemudiannya diikuti oleh sebahagian penulis sejarah tempatan. Akhirnya masing-masing menyatakan lahirnya Islam di Nusantara pada abad ke-13 Masihi.

#### **4.0 Kedatangan Islam Ke Tanah Melayu**

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu adalah berkait rapat dengan sejarah kedatangan Islam ke Nusantara. Ini disebabkan dari segi geografinya, Tanah Melayu tidak boleh dipisahkan dari Gugusan Pulau-Pulau Melayu atau Nusantara. Apa yang berlaku di Nusantara akan memberi kesan kepada Tanah Melayu, lebih-lebih lagi hubungan perniagaan Tanah Melayu dengan Gugusan Kepulauan Melayu adalah terjalin sejak lama dahulu dan tidak boleh dipisahkan. Saudagar-saudagar Arab yang menjalankan perniagaan di Kepulauan Indonesia juga singgah di pelabuhan-pelabuhan di Tanah Melayu. Oleh yang demikian kita boleh mengatakan bahawa Islam juga telah sampai di Tanah Melayu pada abad ke-7 Masihi. Walau bagaimanapun perkara ini memerlukan pembuktian yang wajar sebelum ia diketengahkan sebagai suatu teori.

Antara tulisan-tulisan yang dianggap paling awal di kalangan sarjana Islam Arab ialah bahagian pertama Kitab “*Akhbar al-Sin wa al-Hind*” (Tibbett, 1957: 13) yang merupakan kutipan daripada beberapa catatan yang ditulis oleh kebanyakan penulis Islam pada tarikh-tarikh yang berbeza. Abu Zayid, sebagai orang yang bertanggungjawab menyusun kitab tersebut telah memberikan tarikh tahun 237 Hijrah bersamaan 851 Masihi. Kemungkinan ia adalah tarikh asas penyusunannya. Ini disebabkan antara catatan yang dikumpulkan oleh beliau adalah dari seorang pengembara yang bernama Sulaiman sebagaimana yang tercatat juga dalam catatan Cina.

Kitab “*Akhbar al-Sin wa al-Hind*” menyatakan, dalam perjalanannya ke Cina dia telah singgah di beberapa buah tempat di Nusantara, antaranya Kalah dan Pulau Tioman yang telah digunakan untuk mengambil bekalan air bersih. Di Kalah (Kedah) ia dapat memerhatikan suatu organisasi kerajaan yang berjalan dengan teratur. Tetapi bagi pedagang-pedagang Arab apa yang bernali bagi mereka ialah bekalan air bersih (Tibbett, 1957: 13).

Manakala Tioman pula adalah sebuah pulau yang juga mempunyai bekalan air bersih dan jauhnya dari Kalah sepuluh hari perjalanan. Perjalanan “*Akhbar al-Sin*” adalah dari Ceylon ke Kalah di sebelah barat Semenanjung Tanah Melayu, kemudian ke bahagian Selatan Tanah Melayu terus ke Pahang di Pulau Tioman di sebelah timur Tanah Melayu dan dari sana terus ke Indo-Cina. “*Akhbar al-Sin*” menerangkan hubungan perdagangannya dengan Cina begitu terperinci dan menunjukkan bagaimana tingginya organisasi yang berlaku.

Selain dari kitab “*Akhbar al-Sin*”, catatan yang ditulis oleh sarjana Arab Islam lain adalah kitab “*al-Masalik wa al-Mamalik*” yang ditulis oleh Ibn Khurdadhbih pada tahun 846-847 Masihi dan disemak semula pada tahun 885-886 Masihi (Ibn Ishaq Ibrahim bin Mohammad al-Farisi al-Astakhri, 1961: 21). Tulisan ini merupakan kumpulan catatan para pengembara dan pedagang Arab berdasarkan keterangan-keterangan mereka sebelum tarikh kitab ini ditulis lagi. Perjalanan Ibn Khurdadhbih melalui India Timur berkait rapat dengan perjalanan “*Akhbar al-Sin*” kecuali selepas Pulau Tioman, beliau berhenti di suatu tempat yang bernama ”*Ma’it*” (Tibbetts, 1957: 15). Kemungkinan besar ia berhampiran dengan selatan Tanah Melayu, sama ada di Semenanjung Tanah Melayu atau salah sebuah pulau dari pulau-pulau di Kepulauan Riau-Lingga.

Kedua-dua catatan Arab tersebut menyatakan dengan jelas perjalanan mereka dari Ceylon ke Cina yang melalui persinggahan-persinggahan penting di Kalah dan pelabuhan-pelabuhan di selatan Semenanjung Tanah Melayu. Kemungkinan telah wujud suatu hubungan perdagangan di sepanjang Pantai Selat Melaka sebagaimana digambarkan oleh Ibn Khurdadhbih (844-848 M) yang menyebut kawasan “Salahit” di selatan Tanah Melayu = Selat dan pulau-pulau di Kepulauan Riau-Lingga pada abad tersebut (R.O.Winstedt, 1969: 33). Salah satu tempat yang telah dilawati ialah di sebelah Pahang dan yang pastinya ialah Pulau Tioman. Mengikut Rouffaer pula “Salahit” ialah Tasik = Temasik (pada abad ke-14M) = Samudera Lama = Singapura (pada abad ke-15M), sementara tanah besarnya ialah Wurawari (catatan Jawa Tua = “air jernih”) daripada abad ke-10 hingga ke-11M = Ganggayu, iaitu Gangga ayu (catatan Jawa Tua = “air segar”) sebelum tahun 1450 tetapi masih digunakan sehingga zaman Sejarah Melayu (1612 M) pada abad ke-16M (R.O.Winstedt, 1922: 258, 1923: 253, Shellabear, 1896: 16).

Daripada catatan-catatan di atas dapatlah dikatakan bahawa Pahang adalah antara tempat-tempat terawal menerima pengaruh Islam terus daripada pedagang-pedagang Arab Islam selain daripada negeri-negeri Melayu yang lain. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan catatan Cina Dinasti Sung (960-1276M) yang menyebut kedatangan Islam di sepanjang persisiran Laut Cina Selatan seawal-awalnya berlaku pada tahun 977 Masihi (S.Q.Fatimi, 1963: 67). Catatan Cina menyebut Pahang sebagai “Lou-yueh” (Prof. Wang Gungwu, 1958: 95) dan menjadi pintu masuk dan keluar pedagang-pedagang Arab dan Cina (Ronald Braddell, 1969: 17). Ramai di kalangan sarjana Barat mengatakan bahawa kedua-dua sumber tersebut tidak menyebut langsung penyebaran Islam di tempat-tempat yang dilawati oleh pedagang-pedagang Arab. Antaranya ialah Morrison (G.E. Morrison, 1951: 28) dan A.H.John (A.H. John, 1985: 20), di mana mereka mengatakan lawatan pedagang-pedagang Arab hanyalah bermotifkan perdagangan semata-mata. Namun hakikatnya penyebaran Islam sentiasa tidak boleh dipisahkan sama sekali dengan diri mereka yang mengaku Islam sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. Hal ini juga tidak terkecuali bagi pedagang-pedagang Arab yang telah sampai di Kepulauan Melayu termasuk Pahang.

Selain hubungan perdagangan dengan pedagang-pedagang Nusantara, mereka juga telah menjalankan perniagaan dengan Cina (Victor Purcell, 1947: 115). Walaupun pada ketika itu terdapat jalan perdagangan darat di antara Asia Barat dan Cina tetapi ia dikatakan kurang selamat dan begitu sukar (J.V.Mills, 1974: 7, Rudolf Leowenthal, 1960: 13). Sebagai alternatifnya mereka menggunakan jalan laut ke Cina dengan melintas pantai India dan Asia Tenggara mengikut angin monsun (J.A.E. Morley, 1949: 148). Ada di kalangan pedagang-pedagang ini menetap sementara di sepanjang jalan perdagangan Asia Barat-Cina bagi menunggu perubahan angin monsun. Tidak dinafikan ada yang terus tinggal menetap berkahwin dengan penduduk tempatan dan meninggal dunia serta dikebumikan di kawasan tersebut. Menurut catatan Cina, hubungan Asia Barat-Cina telah berlaku pada abad keempat Masihi lagi kerana pada ketika itu sudahpun terdapat penempatan kedua bangsa Arab di Cina (Brian E. Colle, 1969: 12).

Menurut Tibbetts, Dinasti Sasanid di Parsi yang diasaskan pada abad ketiga Masihi merupakan sebuah kerajaan yang mengadakan hubungan perdagangan dengan Cina (Yang I-

Fan, 1969: 2). Keperluan ekonomi di Cina Selatan menguatkan lagi hubungan perdagangan kedua negara tersebut (Wang Gungwu, 1958: 71). Pedagang-pedagang Asia Barat dalam kegiatan perdagangan dengan Cina dikatakan telah singgah di beberapa pelabuhan India di Nusantara. Di India pelabuhan yang menjadi tumpuan termasuklah Daybul, Cambay, Sindabol dan Samundar. Manakala di Nusantara ialah Lambri, Barus, Andaman, Kalah (Kedah), Panghang (Pahang), Tiyuman (Tioman) dan Melaka (Dr. Omar Amin Hussin, 1962: 69 dan Nagendra Singh, 1970: 18). Pelabuhan Melaka dikatakan telah muncul sejak abad kelapan Masihi lagi, iaitu enam abad sebelum kedatangan Parameswara yang disebut "Malaqah" bermaksud tempat pertemuan atau pusat perdagangan (Wan Hussein Azmi, 1980: 137).

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa hubungan perdagangan antara Asia Barat, Arab, Parsi juga India dengan Nusantara dan Cina telah berlaku sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Dengan itu tidaklah dapat dinafikan pendapat sejarawan yang mengatakan bahawa sejak permulaan Islam lagi terdapat hubungan antara pedagang-pedagang Arab dan Parsi dengan Asia Tenggara.

Suatu pendapat lagi lahir pada tahun 1613 Masihi yang dinyatakan oleh seorang saintis Sepanyol, Emanuel Godinho Eradia (S.Q.Fatimi, 1963: 67). Beliau menyatakan bahawa, "*Aqidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Patani dan Pan di Persisiran Pantai Timur dan selepas itu barulah ia diterima dan disebarluaskan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka pada tahun 1411 Masihi.*"

Di samping itu tersebut di dalam sejarah Dinasti Sung (960-1279M) bahawa Islam telah berkembang di sepanjang pantai laut Cina pada tahun 977 Masihi. Bukti penemuan sekeping dinar emas bertarikh 577 Hijrah dengan catatan "al-Julus Kelantan" menunjukkan sebuah kerajaan Islam Kelantan telah wujud di sana (Sa`ad Shukri Hj. Muda, 1971: 28). Semuanya ini boleh menguatkan hujah Godinho Eradia.

Pertambahan pesat penduduk Cina yang beragama Islam adalah dengan sebab perhubungan yang baik di antara pedagang-pedagang Arab dan Cina. Mereka menjadikan Canton sebagai pusat perniagaan yang berkembang dengan begitu maju sebagaimana dicatatkan oleh al-Mas`udi dalam bukunya "Muruj al-Zahab", "Khan Fu (Canton) adalah sebuah pelabuhan yang besar dengan kapal-kapal yang datang dari Basrah, Oman, Syria dan bandar-bandar India, Pulau-Pulau Zabij (Indonesia) dan Champa di Selatan Indo Cina" (C.E.Bosworth, 1980: 465).

Pada tahun 878 Masihi, pada zaman pemerintahan Hsi Tsung dikatakan tercetus satu pemberontakan di Canton yang menyebabkan seramai 120,000 hingga 200,000 orang Arab terbunuh. Akibatnya ramai dari mereka melarikan diri ke Kalah (Kedah) dan Palembang (Syed Naquib al-Attas, 1969: 11). Begitu juga pada akhir pemerintahan Dinasti Tang (618-905M) berlaku satu pemberontakan lain di wilayah Yang Chow yang mengakibatkan seramai 5,000 orang rakyat asing terbunuh dan kebanyakannya orang-orang Arab. Akibatnya mereka melarikan diri ke Kepulauan Melayu. Kemungkinan inilah yang menjadi asas kepada dakwaan para sejarawan yang mengatakan Islam datang ke Nusantara dari Cina. Dakwaan ini dikuatkan lagi dengan bukti beberapa batu nisan yang terdapat di Nusantara. Antaranya batu

nisan di Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang bertarikh 419 Hijrah bersamaan 1028 Masihi, batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 Masihi (Syed Naquib al-Attas, 1970: 24, Omar bin Awang, 1985: 189) dan duit syiling emas di Kubang Labu, Kelantan bertarikh 1181 Masihi. Pendapat inilah juga yang dipegang kuat oleh S.Q.Fatimi bagi membuktikan teori Islam datang dari Cina. Dr.O.W.Wolter pula menyatakan telah wujud hubungan Parsi-Cina sejak abad ke-3 Masihi lagi berdasarkan Cina pada ketika itu memerlukan barang “Po-ssu” (Parsi) (Dr. O.W.Wolters, 1967: 56, Tom Harrison, 1972: 20).



**Batu Bersurat Kuala Berang, Terengganu 1303**

Selain dari Cina, ada pula teori yang mengatakan bahawa Islam telah dibawa dari Champa atau Kemboja. Menurut R.A.Kern, orang-orang Islam di Nusantara berasal dari Indo-Cina (S.Q.Fatimi, 1963: 42). Dalam kurun ke-7 Masihi dikatakan orang-orang Melayu telahpun mengadakan hubungan dengan penduduk-penduduk Champa dan Kemboja. Islam dikatakan telah berkembang di Champa iaitu di daerah Phanrang sejak abad ke-8 Masihi lagi. Pendapat ini telah disokong oleh S.Q.Fatimi yang menyebut bahawa wujud hubungan “Melayu-Polynesian” dari Kerajaan Champa dengan penemuan batu nisan di Leren, Jawa Timur bertarikh 1082 Masihi (S.Q.Fatimi, 1963:38).

Selain dari Melaka, Terengganu juga tidak boleh diketepikan. Menurut catatan Cina penemuan Fo-lo-an atau Terengganu di sebelah Laut Cina Selatan menunjukkan Islam telah sampai di pantai timur Tanah Melayu (Brian E. Colles, 1969: 38). Kenyataan ini disokong oleh Syed Naquib al-Attas (Syed Naquib al-Attas, 1970: 24) dan Prof. Abdul Jalil Hassan (Prof. Abdul Jalil Hassan, 1968: 14) dengan bukti penemuan batu bersurat di Hulu Sungai Berang pada tahun 1899 Masihi. Batu yang bertulisan jawi itu menerangkan secara ringkas hukum-hukum Islam bertarikh 4hb. Rejab tahun 702 Hijrah bersamaan 22hb. Februari, tahun 1303 Masihi. Manakala Paterson melaporkan tarikh yang dianggarkan adalah bersamaan tahun 1326 atau 1386 Masihi (H.S. Paterson, 1924: 252-261). Berdasarkan fakta yang didapati bolehlah dikatakan bahawa Terengganu telah menerima Islam pada abad ke-13 Masihi.

Di Pahang pula terdapat sebuah batu nisan yang ditemui di Kg. Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan yang jaraknya begitu hampir dengan Universiti Malaysia Pahang Kampus Pekan iaitu sejauh 4.5 km. Pada batu tersebut tertulis ayat-ayat al-Qur'an dan sya'ir Arab di samping terdapat tarikh si mati meninggal dunia pada waktu Subuh hari Rabu 14hb. Rabi`ul Awal tahun 419 Hijrah. Mengikut kiraan penyelidik tarikh tersebut adalah bersamaan dengan 12 April tahun 1028 Masihi (Islamicity.com hijri date converter). Pengesahan tarikh yang tercatat

pada batu nisan ini telah dilakukan pada 6hb. Ogos, 1980 oleh Jabatan Agama Islam Pahang dan disahkan oleh Kurator/Setiausaha Lembaga Muzium Negeri Pahang, Encik Mohd Mokhtar Abu Bakar.



**Batu Nisan Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang 1028**  
**Ihsan: Muzium Negeri Pahang**

Menurut artikel yang ditulis oleh Dato' Sir Mahmud bin Mat dalam The Malayan Historical Journal Vol. 2 No. 2 Disember 1955, pada bulan Jun, 1953, penduduk Kg. Permatang Pasir Pulau Tambun, Pekan Pahang telah menggali lubang kubur untuk mengkebumikan mayat seorang kanak-kanak perempuan. Lebih kurang kedalaman 3.5 kaki, mereka menemui sebuah batu nisan yang tertulis ayat-ayat al-Quran dan syair dalam bahasa Arab dengan menggunakan khat sulus. Kajian pengesanan ini telah dilakukan oleh Encik Zakaria Hitam, Encik A. Halim Nasir dari Muzium Negara, Tuan Haji Sulaiman Husain, bekas Kadi Kuantan dan Ustaz Haji Abdul Wahab Haji Abdullah, Nazir Sekolah-Sekolah Menengah Agama Pahang. Tarikh yang tercatat pada batu nisan itu ialah, "Waktu Suboh hari Rabu 14 haribulan Rabi'ul Awal Tahun Hijrah 419" (Koleksi N.A.Halim, Dokumen Permatang Pasir). Hal ini jelas membuktikan bahawa kedatangan Islam ke Pahang adalah lebih awal daripada tarikh yang dibuktikan sebelumnya oleh Batu Bersurat di Kuala Berang Terengganu yang bertarikh tahun 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi, iaitu perbezaan selama 275 tahun.

Menurut Syair Negara Kertagarma yang disusun pada tahun 1365, Syair ini menceritakan keagungan dan kebesaran pemerintahan Kerajaan Majapahit di Tanah Jawa. Pemerintahan Majapahit merangkumi wilayah yang luas meliputi Tanah Jawa, Sumatera dan Tanah Melayu. Negeri-negeri di Tanah Melayu yang ditawan oleh Majapahit termasuk Pahang, Kelantan dan Terengganu. Menurut D Ederia, seorang paderi berbangsa Portugis, Islam telah diamalkan secara meluas di Pahang pada ketika ini. Menurut beliau, Islam bertapak di Pahang hampir seratus tahun lebih awal dari Melaka. Bagi kita hal ini tidak menghairankan kerana Islam telah bertapak di Terengganu lebih awal dari itu sekitar tahun 1303 Masihi. Ini kerana Batu Bersurat Terengganu bertarikh sekitar tahun yang disebutkan tadi iaitu tahun 1303. Terengganu dan Pahang merupakan dua buah negeri yang sangat berkait rapat dalam semua aktiviti ekonomi atau budaya. Bagi pelombong emas dan bijih timah mereka datang ke Terengganu melalui Pahang, atau bagi pedagang dari Cina, Siam dan Kampuchea mereka datang melalui Kelantan dan Terengganu menerusi Pahang untuk ke pantai barat.

Walau bagaimanapun satu sumber sejarah yang didapati tidaklah mencukupi untuk menyatakan Islam telah datang ke Pahang pada tarikh yang tersebut. Pembuktian yang lebih jelas ditunjukkan selepas Pahang ditakluki oleh Melaka pada abad ke-15 Masihi. Menurut W. Linehan, Islam telah dijadikan agama rasmi Pahang pada tahun 1450 Masihi. Begitu juga dengan negeri jajahan Melaka yang lain seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

## 5.0 Kesimpulan

Merujuk kepada beberapa fakta sejarah, sama ada dalam bentuk laporan, catatan mahupun inskripsi yang terdapat di Nusantara dapatlah disimpulkan bahawa kedatangan Islam ke Nusantara telah berlaku sekurang-kurangnya pada abad ke-9 Masihi dan selewat-lewatnya pada abad ke-12 atau ke-13 Masihi, bukan pada abad ke-15 Masihi sebagaimana yang didakwa oleh ramai sejarawan Barat yang bermula dari Melaka. Jelaslah bahawa kedatangan Islam ke Nusantara telah memberi kesan yang besar dan meluas dalam kehidupan masyarakatnya sehingga dengan itu telah berjaya merealisasikan ajaran dan tuntutan Islam di kalangan mereka secara berkesan, sekaligus dapat mengangkat martabat mereka ke tahap yang lebih baik dan bermaruah.

## Rujukan

- A.C.Milner (1985). “Islam and Malay Kingship”, dalam *Readings on Islam in Southeast Asia*, Institute of Southeast Asian Studies.
- A.H.John (1985). “Islam in Southeast Asia, Problems of Perspective”, dalam *Readings on Islam in Southeast Asia*, ISEAS.
- A.H.Johns (1955). “Aspects of Sufi Thought in India and Indonesia in the first half of the 17<sup>th</sup> Century”, *JMBRAS*, vol. XXVII, Pt. 1.
- A.H.Johns (1957). “Malay Sufism”, *JMBRAS*, vol. XXX, Pt. 2.
- Abdul Kadir Haji Mohammad (1989). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*, Disertasi M.A, tidak diterbitkan, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya.
- Abdul Majeed Mohammad Mackeen (1969). *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya*, New Haven, Yale University South East Asia Studies.
- Abdullah Ishak (1990). *Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia, al-Rahmaniah.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali (1982). “Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor”, *Jurnal Sejarah Melaka*, bil. 7.
- Abu Bakar Abdullah (1986). *Ke Arah Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*, Terengganu: Pustaka Damai.
- Abu Hassan Sham (1981). “Perhubungan Melaka dengan Pasai di Abad ke-15 dan 16”, *Jurnal Sejarah Melaka*, bil.6, Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.
- Armando Cortesao (ed.) (1944). *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, vol. 2.
- Azizan Abdul Razak (1985). “The Law in Malacca Before and After Islam”, dalam *Islamika III*, Muzium Negara, Kuala Lumpur.

- Drs. Zubir Usman (1982). "Melaka: Pusat Perkembangan Islam di Asia Tenggara", dalam *Melaka dan Sejarahnya*, Melaka: Persatuan Sejarah Melaka.
- E. Koek (1886). "Portuguese History of Malacca", *JMBRAS*, No. 17.
- G.R. Tibbetts (1957). "Early Muslim Traders in South-East Asia", *JMBRAS* vol. XXX, Pt. 1.
- H.E. Wilson (1972). "The Islamization of South-East Asia: A Re-Assessment", *Journal of Historical Research*, vol. XV, No. 1.
- H.S. Paterson (1924). "An Early Malay Inscription from Trengganu", *JMBRAS*, vol. II, Pt. III.
- Haji Zakaria bin Hitam (1982). *Pahang Dalam sejarah* Bil : 1.
- Hamdan Hassan (1980). "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ibn Ishaq Ibrahim bin Mohammad al-Farisi al-Astakhri (ed.) (1961). *al-Masalik wa al-Mamalik*, al-Jumhuriyyah al-'Arabiyyah al-Muttahidah, Qahirah: Dar al-Qalam.
- Ismail Hamid (1981). *The Emergence of Islamic Malay Literature; A Case Study of Hikayat*, University Microfilms International.
- Ismail Mat (1990). "Undang-Undang Islam dan Adat", *Seminar Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- J.A.E. Morley (1949). "The Arabs and the Eastern Trade", *JMBRAS* vol. XXII, Pt. 1.
- J.V. Mills (1974). "Arab and Chinese Navigators in Malaysian Waters in About A.D 1500", *JMBRAS* vol. 47, Pt. II.
- John Crawford (1967). *History of the Indian Archipelago*, vol. 11, London.
- John E. Kempe and Winstedt (ed.) (1947). "Malay Legal Digest", *JMBRAS*, vol. XXI, Pt. 1.
- John L. Esposito (ed.) (1987). *Islam in Asia, Religion, Politics and Society*, Singapore: Oxford University Press.
- Liaw Yock Fang (ed.) (1976). *Undang-Undang Melaka*, The Hague.
- Marco Polo (t.t.). *The Travels of Marco Polo*, London: Aldo Ricci.
- Mohammad Yusoff Hashim (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar bin Awang (1985). "The Trengganu Inscription as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet", dalam *Islamika III*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas (1970). *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Prof. Hsu Yun-Tsiao (1968). *Notes on the Relations Between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate During 1464-1511*, Paper no. 84, International Conference on Asian History Kuala Lumpur: University Malaya.
- Prof. Wang Gungwu (1958). "The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South Cina Sea", *JMBRAS*, vol. 31, Pt. 2.
- Prof. Wang Gungwu (1968). "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, vol. XLI, Pt. 1.
- R.J. Wilkinson (1935). "Malacca Sultanate", *JMBRAS*, vol. 13, Pt. II, 1935.
- R.O. Winstedt (1938). "Sejarah Melayu", *JMBRAS*, vol. 16, Pt. 3.
- R.O. Winstedt (1958). "The Coming of Islam and Islamic Literature", *JMBRAS*, vol. XXXI, Pt. 3.
- Roland Braddell (1951). "Notes on Ancient Times in Malaya: Ho-Ling", *JMBRAS*, vol. XXIV, Pt. 1.
- Ronald Braddell (1969). "Lung-Ya-Men and Tan Ma-His", *JMBRAS*, vol. 42, Pt. 1.
- S.Q. Fatimi (1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: MSRI.
- Shellabear (1896). *Sejarah Melayu*, Singapore.

- Sheridan L.A & Harry E.Groves (1979). *The Constitution of Malaysia*, Singapore: M.L.J (P.T.R).
- Syed Hussein al-Attas (1964). "Archipelagy, History and the Social Sciences in South East Asia", *Journal Muzium Persekutuan*, vol. IX.
- Syed Naquib al-Attas (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Naquib al-Attas (1963). "Some Aspects of Sufism, As Understood and Practised Among the Malays", Singapore: MSRI.
- Syed Naquib al-Attas (1965). "Note on the Opening of Relations Between Cina and Malacca, 1403-05", *JMBRAS*, vol. 38, Pt. 1.
- Syed Naquib al-Attas (1969). *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T.W.Arnold (1975). *The Preaching of Islam*, Lahore.
- Victor Purcell (1947). "Chinese Settlement in Malacca", *JMBRAS* vol. XX, Pt. 1.
- W. Linehan (1947). "The King of 14<sup>th</sup> Century, Singapore", *JMBRAS*, vol. XV, Pt. II.
- W.G.Shellabear (1950). *Sejarah Melayu*, Singapore: The Malayan Publishing House Ltd.
- W.G.Shellabear (ed.) (1896). *Sejarah Melayu*, Singapore: Publishing House Limited.
- Wang Gungwu (1958). "The Nanhai Trade: A Study of the Early History of Chinese Trade in the South Cina Sea", *JMBRAS*, vol. XXXI, Pt. 2.
- Wang Gungwu (1968). "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, Pt. 1.
- Wilkinson, Law (1971). Part 1, "Introductory Sketches", dalam *Papers on Malay Subject*, Kuala Lumpur.
- Yahaya Abu Bakar (1982). "Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, bil 7, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Yang I-Fan (1969). *Islam in Cina*, Hong Kong: Union Research Institute.
- Yusoff Iskandar (1979). "Masyarakat Melaka 1400-1511 dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang-Orang Asing", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid (1983). *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.